

Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang



Bil.35 Okt-Dis 2010 | ISSN : 1675 - 2651

**SELAMAT TAHUN BARU
2011**



LG
173
KG3
P466
NO.35
OCT-DEC
2010

lib Canselor UNIMAS
Gelaran 'Datuk'

Gerak Usahawan Kampus dan Minggu
Seni Budaya dan Warisan 2010

Majlis Penyampaian Anugerah
Kecemerlangan Zecon 2010

Wacana Ketua Editor

Asalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Selamat Tahun Baru 2011

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita harungi sepanjang tahun 2010 dengan penuh semangat dan jaya. Semoga segala usaha yang dirancang bagi tahun 2011 akan terus mendapat izin dan restu dari Allah S.W.A.

Terlebih dahulu, tahniah kepada Prof Dr Khairuddin Ab Hamid, Naib Canselor UNIMAS, yang telah dianugerahkan Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak iaitu Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (PGBK) yang membawa gelaran "Datuk". Juga tahniah kepada Tan Sri Datuk Amar Hj Bujang Nor, Mantan Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS yang telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat (Pengurusan) sempena Majlis Konvokesyen UNIMAS yang ke-14.

Pada suku terakhir 2010 UNIMAS telah menganjurkan beberapa acara besar di kampus. Antaranya ialah Majlis Konvokesyen UNIMAS yang ke 17, Hari Indonesia, Majlis Ramah Tamah Aidilfitri dan Sukmalindo 2010. Tidak dinafikan, banyak aktiviti dan kemajuan yang telah dicapai di sepanjang tahun 2010, dan dengan komitmen dan usaha-gigih yang berterusan daripada setiap warga UNIMAS, tahun 2011 ini pasti akan membawa lebih banyak kejayaan kepada universiti yang tercinta ini. Selamat Tahun Baru 2011.

Mutuara Kata

"Cintaku kepada Tuhan kerana aku adalah ciptaan-Nya.
Cintaku terhadap seseorang itu adalah kerana perasaan yang dicipta-Nya"

"Kegagalan pertama, tidak ianya terus gagal; tetapi ianya kan membangkitkan cita cita yang bersemangat lagi teguh bagi sesiapa yang pernah mengalaminya"

"Keagungan peribadi anda terletak pada kesedian anda untuk memberi bila beruntung, untuk memimpin bila berilmu dan untuk membela bila kuat"

"Apabila engkau telah berazam, maka bertawakkallah kepada Allah"

Editorial

Penasihat

Prof Dr Khairuddin Ab Hamid

Prof Dr Fatimah binti Abang

Prof Dr Peter Songan

Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman

Encik Ahmad bin Katang

Ketua editor

Resni Mona

Sidang Editorial

Rabiah Bujang

Norinda K. Su'ut

Sarena Haidir

Erwandi Bujang Senawi

Pereka

Haidher Ahmad

Amzar Bin Ashari

Jurufoto

Hj Bujang Mohamad

Azlandy Mohammid Ali Tuah

Edaran

Roderick Rojis

Penerbit

Bahagian Penerbitan Aras 5

Bangunan CAUH

Universiti Malaysia Sarawak



Tahniah Buat Naib Canselor UNIMAS

Dianugerahkan Gelaran ‘Datuk’

Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dr Khairuddin Ab Hamid telah menerima Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak iaitu Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (PGBK).

Darjah utama yang membawa gelaran ‘Datuk’ itu, telah disampaikan oleh TYT, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin sempena sambutan Hari Jadi Ke-89 Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 15 Oktober lepas.

Prof Datuk Dr Khairuddin merupakan antara lima orang penerima darjah utama berkenaan selain Ahli Parlimen Petra Jaya, Haji Fadilah Haji Yusof, Menteri Muda Pembangunan Promosi Perindustrian, Dr Abang Haji Abdul Rauf Abang Haji Zen, Setiausaha Persekutuan Sarawak, Md Yahaya.



UNIMAS dipuji kerana bantu lahirkan penyelidik tempatan

Kejayaan UNIMAS menganjurkan Persidangan Antarabangsa Sains dan Teknologi Mengenai Keadaan Pepejal (ICSST) Kali Ketiga pada 1 hingga 2 Disember lepas mendapat pujian daripada Ketua Menteri, Pehin Sri Dr Haji Abdul Taib Mahmud.

Dalam teks ucapan Ketua Menteri yang dibacakan oleh Timbalannya, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) George Chan Hong Nam menyatakan rasa bangga kepada UNIMAS kerana persidangan tersebut boleh membuka ruang kepada penyelidik bekerjasama melakukan kajian untuk kepentingan kehidupan sejagat.

Beliau menyatakan pembangunan dan penyelidikan mengenai keadaan pepejal perlu segera dijalankan lebih-lebih lagi dengan transformasi pembangunari seperti usaha menjayakan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) di Sarawak.

Justeru katanya, persidangan itu dapat membantu kerajaan melahirkan lebih ramai penyelidik tempatan serta mencari jalan penyelesaian tentang dana penyelidikan yang sering dihadapi oleh penyelidik.

Dalam persidangan tersebut, sebanyak 170 buah kertas kerja telah dibentangkan. Turut hadir pada majlis perasmian ialah Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, Pengurus ICSSST 2010, Prof Dr Sinin Hamdan, Presiden Malaysia Solid State Science & Technology Society (MASS), Prof Emeritus Dato' Dr Muhamad Yahya dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Unimas, Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim.

Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu: Tiada Dominasi Antara Kaum



Kepelbagaian etnik di negara ini tidak pernah menjadi penghalang kepada pemeliharaan bahasa dan budaya malahan membentuk satu identiti masyarakat yang satu, kata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang.

Berucap pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa Budaya dan Identiti anjuran UNIMAS, katanya, Sarawak adalah contoh terbaik dan sikap tidak mendominasi satu sama lain, menjadi tunjang kepada kekuatan Sarawak dan satu keunikan yang tidak wujud di kebanyakan negara lain pada masa sekarang.

Tan Sri Dr Alfred Jabu menambah pengelolaan persidangan tersebut membuka ruang kepada peserta untuk membincangkan isu berkaitan dengan bahasa dan budaya dalam dalam masyarakat majmuk seperti identiti, hubungan kumpulan majoriti-minoriti dan integrasi.

Menurut beliau ia seajar dengan perubahan globalisasi masa kini yang menyaksikan masyarakat menjadi lebih pluralistik pada komuniti tempatan atau kerana imigrasi, maka pada masa sama, ia memerlukan langkah pemeliharaan bahasa dan budaya.

Dalam pada itu, seramai dua ratus orang peserta terdiri daripada para penyelidik, ahli akademik dan pihak perancangan bahasa telah menyertai program yang berlangsung selama dua hari bermula 23 hingga 24 November lepas di Hotel Hilton, Kuching.

Sebanyak 156 kertas kerja telah dibentangkan sepanjang sesi persidangan dengan menyentuh topik mengenai dasar-dasar awam yang membawa kelestarian identiti kumpulan melalui bahasa dan budaya, sikap minoriti imigran dalam mengenalkan identiti kumpulan dalam konteks negara baru dan sebagainya.

Antara topik lain seperti masyarakat multilingual, pendidikan multilingual, hak linguistik golongan minoriti dan komunikasi antara penutur pelbagai budaya.

Pada hari kedua persidangan, Pengurus Yayasan Sarawak merangkap Penasihat Khas Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Adenan Haji Satem telah menyampaikan ucaptama bertajuk "Pengurusan Isu Majoriti dan Minoriti: Wacana Dunia, Perspektif Asia dan Pengalaman Tempatan."

Hari Indonesia

Eratkan Hubungan Dua Negara



Program Hari Indonesia yang berlangsung selama empat hari di Unimas menjadi titik tolak dalam memperkuatkan hubungan dua negara antara Indonesia dan Malaysia.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, malahan ia menjadi landasan buat peserta berkongsi ilmu dalam kebudayaan dan kesenian.

Menyedari perkara itu, katanya, UNIMAS menganjurkan program Hari Indonesia supaya ia menjadi tempat kepada peserta di dua buah negara ini untuk saling kenal-mengenali dan terus menjalin kerjasama baik sampai bila-bila.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Perasmian Hari Indonesia pada 22 Oktober di Panggung Eksperimen, FSGK, yang turut dihadiri oleh Pemangku Konsul Jeneral Republik Indonesia di Kuching, Bapak Rafail Walangitan.

Kata beliau selain program itu, UNIMAS terus membuka pintu kepada pelajar dari negara jiran seperti Indonesia dan Brunei Darussalam untuk menyambung pengajian di universiti ini.

Hari Indonesia telah diadakan bermula 22 hingga 25 Oktober lepas dengan beberapa aktiviti telah dijalankan antaranya penayangan filem

Indonesia, pertunjukan dan kursus kesenian Indonesia seperti kursus singkat gamelan, jualan makanan khas Indonesia dan pameran kebudayaan. Antara filem yang ditayangkan bertajuk Ketika Cinta Bertasbih, Emak Ingin naik Haji, Laskar Pelangi manakala kursus kesenian seperti kursus singkat gamelan dan kerajinan tangan serta persembahan tarian kuda kepang.



Seminar Pembelajaran Sains di UNIMAS

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS telah menganjurkan seminar mengenai pembelajaran sains pada 6 Disember lepas bertempat di Auditorium UNIMAS.

Seminar yang bertemakan 'The Science of Learning' itu telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan ketua Menteri, Encik Larry Sng Wei Shien.

Dalam seminar tersebut, Editor 'Cambridge Handbook of Learning Sciences', Profesor Dr Keith Sawyer dan Dato Dr Haji Abdul Rahim Selamat, telah dijemput untuk memberi taklimat.

Profesor Dr Keith Sawyer turut membentangkan kertas kerja bertajuk 'The Past, Present and Future of Learning Sciences.'

Gagasan 1 Malaysia: Tunjang Perpaduan Kaum



Pengenalan Gagasan 1 Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi tunjang untuk mengekalkan perpaduan kaum dan kestabilan negara. Justeru, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Kerajaan Negeri Sarawak, UNIMAS dan Biro Tatangera mengorak langkah untuk menganjurkan program Gagasan 1 Malaysia pada 25 September lalu bertempat di Dewan CTF 1 Unimas. Program tersebut diadakan dalam dua sesi forum bertajuk "Saya Anak Malaysia" dan 'Intergrasi Nasional Ke Arah

Perpaduan Dalam Konteks Gagasan 1 Malaysia'. Dalam ucapan perasmian, Datuk Dr. Abang Haji Rauf Haji Zen menegaskan terdapat tiga asas kukuh untuk membentuk 1 Malaysia iaitu perpaduan sebagai asas, penegasan agenda membina negara dan rakyat bakal mendapat pembangunan dan kesejahteraan. Beliau yang mewakili Ketua Menteri memberitahu aspek utama perpaduan merangkumi penerapan teras perpaduan dan nilai cita-cita rakyat.

ANGKASAWAN 'mendarat' di UNIMAS



Tiga orang angkasawan dari Amerika Syarikat 'mendarat' di UNIMAS untuk menjayakan program 'Campus Space Walk' yang diadakan pada 7 Oktober lepas. Kehadiran pasangan anak beranak, Owen Garriot dan Richard Garriot serta Mario Runco Jr itu, mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dari pelajar, warga kerja UNIMAS mahupun orang luar. Owen, yang pernah ke Skylab dalam tahun 1973 dan Spacelab-1 dalam tahun 1983, merupakan salah seorang dari enam angkasawan dipilih NASA dan beliau adalah yang pertama mengendalikan stesen radio amatur dari angkasa lepas. Richard yang belum diiktiraf oleh NASA sebagai angkasawan, bagaimanapun, telah dibayar sebanyak US\$30juta dan menjadi pelancong keenam angkasa lepas. Manakala Mario pula telah menjelajah ke STS-44 Atlantis dalam tahun 1991, STS-54 Endeavour 1003 dan STS-77 Endeavour pada bulan May 1996 di mana keseluruhan

penerokaannya ke angkasa melibatkan eksperimen pengawasan radiasi, eksperimen sains dan eksperimen tinjauan bumi. Dalam perasmian program tersebut, Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab. Hamid berharap program sedemikian dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai memberi pendedahan tentang penerokaan angkasa lepas kepada generasi muda. Beliau percaya dengan usaha sedemikian, negara suatu ketika nanti akan menjadi pusat wilayah untuk penjelajahan angkasa dan mencapai pembangunan dalam bidang teknologi dan sains. " Saya amat berharap dengan penerokaan dalam sains dan teknologi, kita boleh meningkatkan minat di kalangan warga Malaysia. Dengan teknologi dan sains yang canggih, adalah tidak mustahil untuk kita mempromosi negara ini sebagai pusat dan pendidikan teknologi angkasa," katanya.



Gerak Usahawan Kampus dan Minggu Seni Budaya dan Warisan 2010



Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memainkan peranan penting dalam melahirkan golongan muda yang kreatif dan berdaya saing dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020 kelak. Menteri di Pejabat Ketua Menteri, Datin Hajjah Fatimah Abdullah berkata, ia juga sejajar dengan pengenalan Model Baru Ekonomi yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri yang menitik-berat pembangunan modal intelektual yang berdaya inovasi yang tinggi. "Justeru, pengenalan program gerak usahawan kampus (PGUK) merupakan aspek komponen pembudayaan dan pengukuhan keusahawanan yang bertujuan melahir usahawan mahasiswa di IPTA," katanya semasa berucap pada Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen ke-14, Program Gerak Usahawan Kampus serta Minggu Seni Budaya dan Warisan telah disempurnakan oleh di Dataran Canselor, Kampus Timur UNIMAS pada 6 Oktober lepas. Beliau turut berbangga dengan kesungguhan pihak universiti dalam penganjuran majlis berkenaan yang menurutnya adalah satu cara menarik para mahasiswa untuk menceburkan diri di dalam program-program keusahawanan. Beliau percaya dengan berbekalkan pengetahuan dan penguasaan ilmu yang dimiliki oleh pelajar dan pensyarah, tentunya menimbulkan rasa yakin dan kepercayaan yang tinggi dalam penerimaan masyarakat di luar sana. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Pengurus Lembaga Pengarah Unimas, Datu Dr Hatta Solhi dan Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid.



Program membantu Bumiputera kenal-pasti peluang perniagaan



UNIMAS dengan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM) dan Majlis Kepimpinan Latihan Universiti Malaysia (MAKLUM) telah menganjurkan Program Konsolidasi Patriotisme

Ekonomi Bumiputera di IPTA, Politeknik Awam dan Kolej Komuniti pada 16 Oktober lepas di UNIMAS.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengurus GABEM, Tan Sri Rahim Tamby Chik dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Unimas, Prof Dr Fatimah Abang, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman dan para akademik dan pelajar IPTA lain. Tujuan program tersebut diadakan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan

perjuangan ekonomi Bumiputera dengan menerapkan nilai dan budaya keusahawanan, daya saing yang tinggi dan kreativiti.

Selain itu, ia juga memberi maklumat kepada peserta tentang kemudahan dan perniagaan yang disediakan oleh kerajaan dan mengenal-pasti peluang perniagaan yang boleh diceburi.

Program tersebut secara amnya, telah dijalankan sebanyak enam siri di enam zon berlainan di seluruh negara iaitu zon utara, tengah, timur dan selatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Harapan Buat Unimas

Lahir graduan berpendidikan tinggi dan berkemahiran



Pro Canselor UNIMAS, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud menaruh harapan tinggi kepada universiti ini untuk melahirkan sekurang-kurangnya 30 peratus rakyat tempatan yang mempunyai berpengetahuan tinggi. Harapan tersebut disuarakan oleh Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud semasa berucap pada sidang ketiga, sempena Konvokesyen UNIMAS Ke-14, yang diadakan selama tiga hari bermula 9 hingga 11 Oktober lepas. Beliau yang juga Ketua Menteri Sarawak berkata, kejayaan melahirkan anak bangsa yang berpengetahuan tinggi membantu negeri ini terus membangun di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe10). "Selama empat belas tahun UNIMAS telah melahirkan ramai graduan yang menyumbang kepada pembangunan negara ini. Bagaimanapun, kita berkehendakkan lebih ramai yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran di masa hadapan," katanya lagi.

Untuk itu, kata Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, adalah penting kepada UNIMAS memastikan program yang ditawarkan di universiti ini berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran kerja yang berubah sepanjang masa.

Menurut beliau, meskipun UNIMAS masih dianggap muda dalam bidang pendidikan di negara ini, tetapi kejayaan UNIMAS terutama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, merupakan satu kejayaan luar biasa.

Beliau turut menasihati UNIMAS supaya lebih proaktif, positif, inovatif dan mempunyai semangat yang cekal untuk mencapai sasaran visi dan misi yang ditetapkan.

Katanya, kewujudan UNIMAS bukti kepada kemakmuran negeri ini kerana ia wujud di sebuah kawasan yang dulunya dianggap mustahil untuk dibangunkan seperti Kota Samarahan.

Beliau memberitahu usaha ke arah mencapai visi dan misi yang disasarkan bukan sahaja untuk kebaikan UNIMAS sendiri tetapi juga kebaikan seluruh masyarakat di negara ini.





TSDA Bujang Mohd Nor

Terima Ijazah Doktor Kehormat (Pengurusan)



Mantan Pengurus Lembaga Pengaral UNIMAS, Tan Sri Datuk Amar(TSDA) Haji Bujang Mohd Nor telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan sempena Majlis Konvokesyen UNIMAS Kali Ke14.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Tun Datuk Patinggi Abang Muhammad Salahuddin, dalam sidang pertama Majlis Konvokesyen UNIMAS pada 9 Oktober lepas.

TSDA Haji Bujang Mohd Nor dilantik sebagai Pengurus Lembaga Pengaral UNIMAS pada tahun 1993 dan telah memberikan contoh terbaik, sikap dan perlakuan yang positif dalam meningkatkan profesionalisma dalam kerja.

Dengan perwatakan positif yang diamalkan selama ini, beliau juga pernah dianugerahi pelbagai bintang dan darjah kebesaran lain seperti Bintang Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri pada tahun 1990.

Ini diikuti dengan pencapaian lain seperti Pingat Peringatan Delima (EMAS) dari Sarawak pada tahun 2003 dan Tokoh Kemerdekaan Negara 2009 Peringkat Kebangsaan.

Anugerah yang diberikan oleh UNIMAS adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pengertian kecemerlangan dan kepimpinan pengurusan yang akan menjadi contoh dan inspirasi kepada komuniti universiti serta negara dan masyarakat keseluruhannya.



Anugerah Buat Ibu Norrl Aikma Sebak Terima Anugerah Pendidikan DiRaja UNIMAS

Meskipun gembira apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Pendidikan DiRaja sempena Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke14, namun bagi Norrl Aikma Mohamed,23, rasa sebak tidak dapat dibuang apabila mengenang arwah ibunya.

"Beliau merupakan seorang ibu yang amat baik, sentiasa menyokong saya sepanjang pengajian di UNIMAS. Malangnya, beliau tidak sempat melihat kejayaan saya kali ini," katanya.

Norrl Aikma yang berasal dari Kuala Lumpur dan graduan dari Program Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia ini bagaimanapun bersyukur ayahnya, masih ada untuk melihat kejayaannya itu.

Beliau menyuarakan rasa terima kasih dengan ayahnya serta para pensyarah dan rakan seperjuangan kerana membantunya selama ini.

Sepanjang pengajian Norrl Aikma di UNIMAS, beliau berjaya

merangkul Anugerah Kepujian Dekan sebanyak lima kali dan aktif dalam aktiviti ko kurikulum di UNIMAS.Berpegang pada falsafah 'Life is not perfect, but we make it perfect', Norrl Aikma bercita-cita untuk menjadi seorang pakar Perunding Kesihatan Mental yang terkemuka dan berharap mempunyai syarikat sendiri. Beliau kini sedang menimba pengalaman kerja dengan menjawat jawatan Perunding Perkhidmatan Pelanggan di sebuah firma swasta.

Gadis Iban Terima Anugerah Canselor

Konvokesyen UNIMAS Kali Ke14 membawa sejarah tersendiri buat Ervinna Mos, 23, graduan dari Program Mekanikal dan Sistem Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan, apabila beliau diumumkan sebagai penerima Anugerah Pro-Canselor dalam majlis konvokesyen kali ini.

Sebelum ini, gadis yang berasal dari rumah panjang di Mukah itu, pernah memenangi Anugerah Dekan untuk semester keempat dan Anugerah Zecon semasa musim pengajian di UNIMAS.

“Saya mahu membuktikan bahawa gadis dari luar bandar

dan rumah panjang seperti saya juga boleh berjaya dalam pendidikan,” katanya selepas menerima anugerah terbabit dari Canselor UNIMAS, Tun Datuk Patinggi Abang Muhammad Salahuddin, pada hari pertama Majlis Konvokesyen UNIMAS pada 9 Oktober lepas. Beliau kini menjawat jawatan sebagai Jurutera Projek di sebuah syarikat kejuruteraan di Miri.

Ervinna merupakan salah seorang dari 1,765 penerima ijazah pada Majlis Konvokesyen UNIMAS Kali Ke14, yang telah diadakan selama tiga hari bermula 9 hingga 11 Oktober lepas.

Lima Pelajar UNIMAS dapat biasiswa

Lima pelajar UNIMAS menerima biasiswa penuh dari Sea Party Technology Co Ltd untuk meneruskan pengajian mereka di National Taiwan Ocean University (NTOU) untuk tempoh dua tahun. Kelima-lima pelajar tersebut dari Program Pengurusan Sumber dan Sains Akuatik serta Jabatan Sains Akuatik, Fakulti Sains dan Teknologi UNIMAS. Mereka akan menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam program teknologi dan sains akuakultur. Pelajar tersebut ialah Wan Zabidi Wan Morni,

Siti Nursafura Che Man, Emmy Goh Ling Ling, Ahmad Syafiq Ahmad Nasir dan Awangku Shahrir Naqiuddin Awang Suhaili. Mereka turut menerima tiket penerbangan pergi-balik ke Taiwan, yuran pengajian, bayaran kredit (bergantung pada subjek), kemudahan penginapan dan eluan sara diri bulanan. Sebaik sahaja tamat pengajian kelak, mereka dijangka akan bekerja dalam industri akuakultur di Tanjung Manis.

Takafur Di Konvokesyen UNIMAS

Sidang keempat bagi Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-14 yang diadakan pada 10 Oktober lepas menyaksikan kesemua hadirin termasuk para graduan bertafakur beberapa minit sebagai mengingati dan bersedekah doa kepada dua graduan UNIMAS yang meninggal dunia.

Dua pelajar UNIMAS yang meninggal dunia ialah allahyarhamah Khairina Badron dari Program Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia dan allahyarhamah Tengku Intan Karina Wan Kamal dari Program Sistem Maklumat, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Khairina yang pernah menerima Anugerah Kepujian

Dekan sebanyak empat kali sepanjang empat tahun pengajiannya di UNIMAS, telah meninggal dunia dalam satu kemalangan jalanraya di Muar Johor semasa hendak ke pejabat pada 20 Ogos tahun ini.

Manakala, Tengku Intan Karina, juga terlibat dalam satu kemalangan jalanraya turut meninggal dunia pada hari kejadian iaitu pada 16 Februari 2010. Bapa kepada allahyarhamah Karina, Encik Badron Lokman, telah mewakili anaknya untuk menerima Ijazah Posthumous dari UNIMAS yang telah disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi.

Senarai Penerima Anugerah Akademik Sempena Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-14

Nama	Pencapaian
1. Norrul Aikma Bt Mohamed (Program Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia)	Anugerah Pendidikan DiRaja
2. Shamini A/P Krishan (Program Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia)	Anugerah Pendidikan DiRaja
3. Frannelya anak Francis (Program Kejururawatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan).	Anugerah Canselor
4. Ervinna anak Mos (Program Mekanikal dan Sistem Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan).	Anugerah Pro-Canselor
5. Pui Chai Ping (Program Kejuruteraan Perisian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)	Anugerah Khas Senat
6. Eliane Choo Yuan Syn (Program Bioteknologi Sumber, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber)	Anugerah Khas Senat
7. Ng Xin Yee (Program Kejuruteraan Perisian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)	Anugerah Khas Senat

Penyelidik UNIMAS ‘menyengat’ di Brussel



Kumpulan penyelidik UNIMAS menujukkan ‘sengatan’ mereka dalam Pameran dan Pertandingan Penyelidikan Antarabangsa ‘World Exhibition on Innovation, Research and New Technologies (2010) di Brussels, Belgium apabila berjaya membawa pulang lima pingat emas dan dua anugerah khas menerusi sembilan produk inovasi yang dipertandingkan pada 18 hingga 20 November lepas. Manakala empat produk inovasi UNIMAS yang dipamerkan berjaya membawa pulang pingat perak, masing-masing.

Pingat emas dari UNIMAS dimenangi oleh Shahrol Mohamadan dari Fakulti Kejuruteraan, Dr Edmund Ng Giap Weng dari ‘Centre of Semantic Technology and Augmented Reality’, Prof Dr Pang Suh Chem dari Fakulti Sumber Sains dan Teknologi, Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman dan Norhayati Suleiman, kedua-duanya dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.

Dr Edmund Ng Giap Weng yang mereka ‘Mobile Augmented Reality System’ turut terpilih memenangi anugerah khas di bawah kategori komunikasi-radio-televisyen. Manakala barisan penyelidik UNIMAS yang memenangi pingat perak terdiri daripada Prof Dr Pang Suh Chem, Dr Chin Suk Fun, Dr Nazlina Shaari dan Norhayati Suleiman.

Majis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Zecon 2010



Lapan pelajar Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS telah menerima Anugerah Kecemerlangan Zecon pada 6 Oktober 2010 di Ruang Geleri, Rumah Universiti, UNIMAS dan telah disampaikan oleh Pengurus Zecon Berhad Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bin Bugo.

Anugerah tersebut merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat Zecon bagi mengalakkkan pencapaian cemerlang di UNIMAS, terutamanya pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan.

Syarikat Zecon Berhad turut mengekalkan sokongan mereka dalam bidang akademik dengan menawarkan biasiswa kepada pelajar UNIMAS serta kepada pelajar universiti tempatan sebagai motivasi untuk pelajar agar cemerlang dalam bidang akademik.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UNIMAS, Prof Dr Fatimah Abang dalam ucapannya meluahkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada pihak pengurusan Zecon kerana telah menyediakan Dana khas kecemerlangan tersebut setiap tahun. Majlis tersebut merupakan acara tahunan bagi Fakulti Kejuruteraan dan merupakan tahun ke-8 diadakan di UNIMAS semenjak tahun 2003. Beliau turut mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan para pelajar atas penerimaan Anugerah tersebut.

Antara penerima Anugerah Kecemerlangan Zecon ialah Ang Yang Seng, Asy Azirah Rashidi, Akmal Hisyam Ruduan, Ervina ak Mos, Voon Ming Choo, Suratdee Sulaiman, Sheena Ann a/p Koruthu dan Nor Arniza Malek. Turut menyaksikan majlis tersebut ialah Dekan, Fakulti Kejuruteraan Prof Dr Wan Hashim Bin Wan Ibrahim, Haji Abang Azahari Bin Osman (Naib Presiden, Infrastruktur) Zecon Berhad, Encik Jamil Bin Jamaluddin (Naib Presiden/Ketua Pegawai Kewangan) Zecon Berhad, Dekan, Ketua Jabatan serta Ibu bapa peserta.



I-Solution sumbang emas buat UNIMAS



Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UNIMAS yang diwakili oleh kumpulan I-Solution dari PKMA, telah menerima anugerah emas (dua bintang) dalam Konvensyen ICC Kebangsaan 2010 pada 7 hingga 9 Oktober lepas di Genting International Convention Centre (GICC) anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Dengan penyertaan yang pertama kali, KIK UNIMAS telah membuktikan kemahiran mereka di hadapan 170 buah kumpulan KIK seluruh negara yang turut menyertai konvensyen sama. Objektif penganjuran konvensyen berkenaan adalah untuk memberi pendedahan kepada kepada peserta serta berkongsi pengalaman mengenai aspek produktiviti dan kualiti. Majlis perasmian telah dilakukan oleh Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia, Encik Mohd Razali Hussain manakala penutupan dan penyampaian hadiah telah dilakukan oleh Pengerusi Perbadanan Produktiviti Malaysia, Tan Sri Dato' Azman Hashim.

UNIMAS menang tempat kedua



Pasukan debat UNIMAS memenangi tempat kedua apabila terpaksa tunduk kepada Universiti Swinburne B dalam pertandingan peringkat akhir Trofi Cabaran Bagi Debat Inggeris Ala Dunia yang diadakan pada 13 Oktober 2010. Tempat ketiga disandang oleh Swinburne

C dan tempat keempat disandang oleh UiTM. Johan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM4,000, tempat kedua RM3,000, ketiga RM2,000 dan keempat RM1,000. Sebanyak 24 pasukan daripada institut pengajian tinggi awam dan swasta telah mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan yang bertemakan Gaya Hidup Hijau Untuk Dunia Yang lebih Baik anjuran Yayasan Sarawak dan UNIMAS.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang di peringkat akhir pertandingan tersebut telah disampaikan oleh Penasihat Khas di Jabatan Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Haji Satem. Dalam ucapan ringkas, TSDA

Haji Adenan memuji penganjur kerana mengelolakan pertandingan sedemikian yang membolehkan mahasiswa universiti tempatan berkeyakinan tinggi apabila berhadapan dengan khalayak. Beliau berkata, sebagai pewaris kepada kepimpinan negara, mahasiswa perlu peka dengan setiap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. "Jangan tanya apa negara lakukan kepada anda, tetapi tanya apa yang ada lakukan untuk negara," katanya. TSDA Haji Adenan turut berharap penyertaan peserta pertandingan tersebut akan mempraktikkan pengalaman yang diperolehi untuk kegunaan di masa hadapan.

Majlis Ibadah Qurban 2010



Tujuh ekor lembu telah dikorbankan pada Majlis Ibadah Qurban 2010 UNIMAS yang diadakan selama dua hari bermula 17 hingga 18 November 2010 lepas. Majlis Ibadah Korban tahun ini telah dihadiri bersama oleh Naib Canselor UNIMAS, Datuk Prof Dr Khairuddin Ab Hamid, yang juga salah seorang penyumbang kepada majlis berkenaan. Majlis tersebut diadakan di perkarangan surau universiti di kampus timur dan Kolej Kenanga UNIMAS. Manakala majlis sama pada hari kedua diadakan di Kolej Kenanga. Tujuan majlis ini dianjurkan sebagai mengalakkan staf dan pelajar UNIMAS untuk bekerjasama dalam menuaikan ibadah korban.



Lahir Modal Insan Terbaik Melalui Sukan

Sukan merupakan salah satu medium perantara yang efektif dalam membina jalinan hubungan yang berkekalan, kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Prof Madya Mohd Fadzil memberitahu sasaran UNIMAS adalah untuk melahirkan modal insan yang kompleks iaitu mengabungkan graduan yang bijak dalam pendidikan dan mempunyai kemahiran Insaniah. Seramai 180 atlit dari Malaysia dan Indonesia

untuk mencapai kemenangan semata-mata sebaliknya peluang untuk menguatkan lagi kerjasama sesama sendiri. Prof Madya Mohd Fadzil memberitahu sasaran UNIMAS adalah untuk melahirkan modal insan yang kompleks iaitu mengabungkan graduan yang bijak dalam pendidikan dan mempunyai kemahiran Insaniah. Seramai 180 atlit dari Malaysia dan Indonesia

telah menyertai SUKMALINDO 2010 yang berlangsung selama empat hari bermula 22 Oktober 2010. Ia melibatkan sembilan IPT di seluruh negeri Sarawak dan lima IPT dari Indonesia. Lima acara sukan telah dipertandingkan iaitu bola tampar, sepak takraw, badminton, boling dan futsal.

Ramah Tamah Aidilfitri UNIMAS



Dua puluh buah gerai dibuka untuk menyajikan pelbagai jenis juadah hari raya dengan dekorasi yang dihias indah bersempena Majlis Ramah Tamah Aidilfitri UNIMAS 2010 pada 30 September lepas di Laman Seni Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid dan

turut dihadiri oleh Ahli lembaga pengarah, staf UNIMAS dan wakil media. Dalam ucapan, Prof Datuk Dr Khairuddin meluahkan rasa bangga dengan pencapaian kerja yang telah ditunjukkan oleh semua staf UNIMAS. Beliau berkata, dengan semangat bersatu-padu dan kerjasama di antara semua staf, maka impian UNIMAS untuk mencapai misi dan visi akan mudah

tercapai. Dalam majlis berkenaan, Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia telah memenangi pertandingan gerai terbaik diikuti tempat kedua oleh Pusat Khidmat Pelajar Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan tempat ketiga Fakulti Kejuruteraan.

BUKU TERBITAN UNIMAS




Tajuk : **Sama-Bajau: Dalam Kanca Urbanisasi**
Mukah Word And Phrase List

Penulis : Gusni Saat

Harga : RM33.00

Tahun : 2010

Sinopsis: Buku ini merupakan hasil penelitian yang dilakukan selama beberapa tahun ke atas komuniti Sama-Bajau di Teluk Bone, Sulawesi Selatan, Indonesia. Penulis mengarapkan isi bacaan yang memperlihatkan impak urbanisasi ke atas mobiliti sosial komuniti tersebut dan kaitan mereka dengan pembangunan yang dialami. Isu ini dianalisis dalam konteks kehidupan yang merangkumi latar belakang sejarah sosial, penempatan, bahasa, interaksi, kekeluargaan dan sebagainya. Dalam konteks ilmiah, buku ini merupakan sumbangan penting dalam bidang kajian urbanisasi dan komuniti dalam konteks pembangunan masyarakat pribumi dan kepada korpus ilmu bidang kajian masyarakat maritim dan Sama-Bajau. Buku ini sesuai menjadi bahan bacaan masyarakat umum yang mahu memahami kesan pemodenan dan pembangunan ke atas komuniti probumi Sama-Bajau secara khuisus dan masyarakat pribumi lain secara amnya



Tajuk : **Essentials of Integrated Anatomy**

Penulis: Maung Maung Nyo dan Nan Ommar

Harga : RM 54.00

Tahun : 2010

Sinopsis: Buku ini diterbitkan untuk membantu pelajar fasa 1 dalam program perubatan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), untuk mendapat pendidikan asas pengetahuan anatomi yang memerlukan pemeriksaan fizikal dan diagnosis penyakit. Format di dalam buku ini menggambarkan Objektif Struktur Peperiksaan Praktikal (OSPE) yang dijalankan di Program Perubatan di UNIMAS dimana sains asas dan sains klinik digabungkan melalui pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL). Terdapat 75 ilustrasi terdiri daripada gambar-gambar berkaitan model anatomi dan tulang, lukisan tangan dan fotomikrograf spesimen tisu yang merupakan sebahagian daripada bahan-bahan pembelajaran di fakulti perubatan. Ini merupakan panduan berguna untuk pelajar kerana setiap bab di dalam buku ini bukan sahaja mengenai anatomi dan sains tulen, tetapi juga mengenai psikologi, biokimia, ortopedik dan asas perubatan, bagi membolehkan pelajar menimbang satu-satu soalan sebelum memberikan jawapan. OSPE yang ditunjukkan di dalam buku ini boleh menjadi model kepada pensyarah dalam melakukan sendiri stesyen OSPE. Buku ini, mesti dimiliki oleh pelajar perubatan dan pensyarah yang terlibat dalam Program Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL).

*** Sebarang pesanan buku mahupun pertanyaan mengenai koleksi buku terbitan boleh menghubungi:

Bahagian Penerbitan UNIMAS

Tingkat5, Bangunan CAUH

Universiti Malaysia Sarawak

94300, Kota Samarahan

Tel: 082-581159/581157 Faks:082-581919